

DIASPORA BAJAU LAUT DAN PENGEKALAN SERTA PENERUSAN AMALAN TRADISI DI SABAH¹

*(Bajau Laut's Diaspora and Preservation of Their Traditional
Practices in Sabah)*

Hanafi Hussin

Abstrak

"We are Sama Dilaut, We are Bajau Laut," it reminds me of two terms spoken by Bajau Laut community of Kampung Bangau-bangau, Semporna, Sabah. Originally this community is Sama Dilaut from Sitangkai, Tawi-Tawi, Philippines. Although the changes of community label become common practice among several ethnics in Sabah like Suluk-Bajau community for the Tausug, Kagayan for people of Mapun, Tawi-tawi etc, they maintain their original cultural characteristics. This paper discusses Bajau Laut community as Sama Dilaut, who experience diaspora in Sabah but still believe in Omboh as source of power, which could be transferred through male (Jin Lella) and female (Denda) spirit barrier. The sign of Jin's quality for both of them could be identified by keeping of safeguarding of ancestor's heritage, Duwaan. By having the Duwaan, every jin is compulsory to perform the rituals which have been practiced along time ago. Performing the scheduled rituals would make harmony between the human being and spirit in the spiritual world, especially the ancestors. Mag-paiibahau is the main ritual requesting the jin to prepare the new rice (paiibahau) as offering to the Omboh and followed by playing music tagunggu' and performing dance (mag-pagigal) for the ancestors. The Mag-paiibahau ritual should begin in Sitangkai Island of Tawi-tawi by the Chief Jin (Wali Jin) and it followed by the ritual in Kampung Bangau-bangau, Sabah. The Bajau Laut preserve their ancestral traditions and maintain the relationship with the families in the Sitangkai, Tawi-tawi, Philippines. It symbolizes the existence of strong unity as a Sama Dilaut family even though they have been diaspora.

Pengenalan

Diaspora yang bermaksud penyebaran merujuk kepada seorang atau sekumpulan etnik yang meninggalkan kampung halaman dan cuba memastikan perkembangan budaya masih berorientasikan kepada budaya asal mereka. Diaspora melibatkan pergerakan masyarakat yang berlaku sejak dahulu lagi dalam sejarah perkembangan manusia iaitu semasa manusia melakukan aktiviti memburu dan mengumpul hinggalah kepada kegiatan berpindah randah. Kejadian-kejadian seperti bencana alam, perubahan cuaca, penguasaan wilayah-wilayah oleh komuniti-komuniti lain atau kehidupan lain juga merupakan antara faktor biasa

yang membuatkan orang berpindah-randah.² Fenomena ini yang turut dipanggil sebagai migrasi adalah antara perkara awal yang menjadi perhatian utama bidang sosiologi.³ Diaspora awal yang berlaku kebanyakannya adalah kerana terpaksa seperti yang terjadi di kalangan orang Yahudi yang berpindah menduduki Daerah Palestin atau migrasi yang berlaku untuk mencari kualiti kehidupan yang lebih baik ke daerah lain di luar tanah air mereka⁴ yang mana mengakibatkan turut berlakunya penyebaran bahasa dan budaya⁵ kerana migrasi yang berlaku tidak meninggalkan elemen-elemen utama dalam kehidupan mereka iaitu bahasa dan juga budaya mereka.

Terdapat banyak kriteria dan ciri-ciri aktiviti yang dilakukan oleh komuniti diaspora yang melibatkan budaya, bahasa, agama, sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan lain-lain. Individu-individu diaspora boleh dikenali atau tergolong dalam sesebuah komuniti diaspora itu pada apa sahaja kegiatan yang gemar dilakukan secara bersama. Walau bagaimanapun, sesetengah diaspora hanya terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan rakan sekampung atau keluarga, manakala sebahagian yang lain akan menumpukan kepada hal-hal yang lain seperti kegiatan keagamaan, sukan, kesenian atau kegiatan patriotik manakala golongan peniaga menumpukan kepada kegiatan ekonomi. Tumpuan yang diberikan oleh golongan diaspora ini sama ada terhadap satu atau beberapa kegiatan yang dijalankan secara bersama.⁶

Sifat-sifat atau kriteria yang wujud pada diaspora boleh dikategorikan lebih daripada satu jenis kerana sejarah diaspora menunjukkan motivasi yang berbeza di mana seseorang itu meninggalkan negaranya pada masa yang berbeza-beza.⁷ Pertama, pergerakan keluar dari tempat asal ke wilayah-wilayah asing, kedua, melakukannya secara terpaksa kerana keadaan politik dan ekonomi dan masalah-masalah lain, ketiga, sedar dan aktif untuk mengekalkan identiti, amalan budaya dan kepercayaan, bahasa serta agama secara kolektif, keempat, mempunyai perasaan belas dan menyenangkan terhadap etnik yang sama yang berada di negara lain, mengepalai usaha-usaha untuk menginstitusikan komunikasi dan rangkaian antarabangsa dan kelima, berusaha mengekal dan meneruskan pelbagai hubungan dengan negara asal secara kolektif. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya definisi ini agak sempit, namun jika salah satu daripada ciri-ciri tersebut dipenuhi, maka konsep diaspora yang dikenal pasti adalah lebih luas.⁸

Oleh yang demikian istilah diaspora merujuk kepada penyebaran penduduk akibat daripada pergerakan ke tempat-tempat tertentu dengan berkongsi identiti etnik yang sama di mana mereka terpaksa berpindah atau secara sukarela meninggalkan daerah mereka yang sah, dan menjadi penghuni di daerah baru yang biasanya jauh dari tempat asal mereka. Ia juga dapat dirujuk dengan budaya nomad, dan lebih dekat lagi dihubungkan dengan kumpulan pelarian. Walau bagaimanapun, sementara pelarian mungkin tinggal atau tidak di lokasi geografi yang baru, istilah diaspora merujuk kepada perpindahan dan petempatan semula yang tetap. Dengan mengambil pengertian diaspora yang mudah ini, makalah ini akan membincangkan tentang diaspora yang berlaku di kalangan komuniti Badjao atau Sama Dilaut dari Sitangkai, Tawi-Tawi Filipina yang dipanggil sebagai komuniti Bajau Laut di Semporna, Sabah dengan melihat bagaimana pengekalan dan penerusan amalan tradisi dilakukan.

Diaspora Bajau Laut


Bajau Laut Semporna yang mendiami pesisir pantai Semporna khususnya di Kampung Bangau-Bangau berasal dari Pulau Sitangkai, Tawi-Tawi, Selatan Filipina. Mereka dipanggil sebagai orang-orang Badjao di Filipina yang merupakan sub-komuniti bagi Orang Sama yang lebih sinonim dengan panggilan orang-orang yang tinggal dalam perahu dan juga pelayar-pelayar. Komuniti ini secara lebih besar mendiami kawasan maritim yang lebih luas di perairan Asia Tenggara khususnya Selatan Filipina, kawasan timur dan utara Pulau Borneo, perairan Sulawesi dan pulau-pulau kecil di Sunda, Indonesia dan ia juga terdapat di Kepulauan Mergui di Selatan Myanmar. Kehidupan yang dijalani sebagai orang-orang perahu dan pelayar ini menyebabkan pengkaji-pengkaji barat menggelar mereka sebagai gipsi laut. Namun H. Arlo Nimmo (1968) menyatakan bahawa Orang Badjao berasal dari darat dan mereka menjadi orang-orang perahu kerana pekerjaan untuk mencari sumber pendapatan. Ramai juga pengkaji yang mengatakan bahawa Orang Sama berasal dari pantai dan perairan Zamboanga dan Basilan. Pergerakan secara besar-besaran ke selatan dan barat, sepanjang kepulauan besar Sulu, Pulau Cagayan de Sulu⁹ dan Pantai Timur Borneo. Kumpulan lain berpindah ke kawasan utara iaitu ke Zamboanga-Sibuguey. Amalan kehidupan sebegini mungkin menyebabkan mereka tersebar ke kawasan-kawasan di sekitar Malaysia dan membentuk diaspora Bajau Laut di Malaysia dan sekali gus membentuk identiti diaspora dan identiti ini terjadi kesan daripada migrasi itu sendiri.¹⁰ Teori lain pula mengatakan bahawa Orang Badjao sememangnya tinggal dalam perahu lalu membina rumah kediaman bertiang di kawasan yang terdapat sumber ikan yang banyak. Pernyataan di atas jelas membayangkan bahawa kehidupan mereka pada suatu masa dahulu umpama gipsi maka mereka turut dipanggil dengan pelbagai gelaran seperti Bajau (orang laut) dan Sama pal'au (Sama terpinggir) yang merupakan perkataan yang tidak digemari oleh Orang Bajau Laut, dan beberapa perkataan lain yang merendahkan-rendahkan mereka seperti lumaan dan mabaho (orang berbau). Gelaran-gelaran lain termasuk Sama Jengjeng, Lutao, dan Orang Laut. Pada masa kini gelaran-gelaran ini sama sekali tidak disenangi oleh mereka khususnya bagi yang telah pun memilih daratan atau separuh daratan sebagai tempat tinggal tetap mereka seperti komuniti Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau ini.

Terdapat juga bukti bahawa kumpulan Sama sampai ke muara Sungai Agusan di hujung Mindanao yang cuba mendapatkan perlindungan daripada bencana alam seperti guruh dan halilintar di mana mereka bercampur dengan penduduk asal seperti orang Butuanon, maka terjadinya pertukaran pasangan, kunjungan persahabatan dan perdagangan di antara Sama dari Sulu dan Butuanon berasaskan Agusan. Sebenarnya apa yang menjadikan bahasa Tausug adalah dari cabang Butuanon. Pengaruh sosial dan budaya luar khususnya pengaruh Sepanyol dan Amerika sangat kurang disebabkan oleh dua faktor; pertama, Badjao tinggal di kawasan petempatan yang dikuasai Islam, walaupun mereka yang terakhir mendapat pengaruh Islam dan kedua, mereka adalah masyarakat yang sering bergerak dan berpindah-randah.¹¹ Terdapat juga mitos yang mengatakan bahawa legenda Badjao berasal dari perairan Johor, Malaysia di mana mereka tinggal dalam rumah-rumah perahu. Oleh itu, nama Badjao (atau Bajau) diasosiasikan dengan perkataan Melayu-Borneo yang merujuk kepada Orang yang mengamalkan kehidupan berorientasikan laut.

Bagi komuniti Sama yang tinggal di darat dipanggil sebagai Sama Diliya iaitu mereka tidak dikategorikan sebagai Badjao yang hidup di perairan. Kehidupan mereka berasaskan kepada sumber darat seperti bertani dan melakukan pekerja-pekerjaan lain di daratan. Kebanyakan mereka dikatakan menganut dan mengamalkan ajaran Islam. Banci penduduk yang dilakukan oleh Muzium Nasional Filipina mendapati bahawa jumlah penduduk Sama adalah seramai 320,000 orang dengan 118,000 orang bertumpu di Provinsi Sulu dan Tawi-Tawi manakala sebahagian besar kini bertaburan di Selatan Filipina termasuk Davao, Surigao, Zamboanga dan Basilan. Jumlah ini tidak termasuk mereka yang terdapat di Borneo. Dalam meneruskan kehidupan yang serba mencabar mereka juga memilih bandar-bandar besar seperti Bohol, Cebu dan Manila serta beberapa bandar di bahagian utara Filipina.¹²

Bajau Laut Semporna yang merupakan diaspora Bajau Laut atau Sama Dilaut yang juga dipanggil orang Badjao di Daerah Tawi-Tawi khususnya di Pulau Sitangkai¹³ dengan kebanyakan mereka bertumpu di Kampung Bangau-Bangau. Generasi pertama dan kedua komuniti ini dilahirkan di Pulau Sitangkai dan kini menjadi penduduk tetap Malaysia dengan memiliki kad pengenalan sementara atau kekal. Menurut Clifford Sather¹⁴ generasi pertama mendirikan rumah yang pertama di kampung ini pada tahun 1955. Menurut Hj Musa Malabong, generasi pertama Sama Dilaut yang berpindah dari Sitangkai ke Borneo iaitu di Pulau Omadal adalah pada tahun 1930an.¹⁵ Manakala generasi ketiga dan seterusnya rata-ratanya sudah menjadi penduduk tetap dan warganegara Malaysia jika kelahiran mereka didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Negara.

Peta 1: Daerah Pendudukan Bajau Laut di Selatan Filipina dan Borneo Utara (kiri) dan Pulau Sitangkai (kanan) tempat asal Bajau Laut, Semporna





Sumber: <http://www.encarta>

Menurut Clifford Sather, pada tahun 1964, Bangau-Bangau masih merupakan sebuah kampung yang baru. Rumah pertama telah dibina pada tahun 1955. Walaupun banyak perubahan yang berlaku, elemen-elemen kehidupan komuniti nomad laut masih lagi diteruskan. Sather juga menggambarkan bahawa pada masa tersebut terdapat lebih kurang dua puluh lima peratus keluarga masih menginap dalam perahu; menangkap ikan sebagai kegiatan utama, dan kebanyakan keluarga masih berkeinginan untuk kembali ke perahu untuk menjalani kehidupan dengan menangkap ikan sepenuhnya.¹⁶ Walau bagaimanapun kehidupan Bajau Laut Kampung Bangau-Bangau dengan tradisi tinggal dalam perahu tidak lagi menjadi fenomena yang biasa di abad ke-21 ini. Perahu-perahu yang terdapat hanyalah sebagai keperluan untuk menangkap ikan bagi sebahagian kecil keluarga di sana dan mereka yang memiliki perahu besar pula tidak ramai dan sebahagiannya digunakan untuk melakukan perjalanan yang jauh hingga ke Pulau Sitangkai.

Kepercayaan dan Amalan Tradisi

Asas kepercayaan komuniti Bajau Laut adalah terhadap kewujudan tuhan yang diikuti dengan keberadaan makhluk pertama iaitu Omboh¹⁷ yang dianggap mempunyai kuasa yang tinggi. Tuhan dan Omboh dikelilingi oleh para syaitan dan semangat atau mereka memanggilnya sebagai sumangat. Namun, setelah masuk dan berkembangnya Islam menjadikan komuniti Sama Dilaut mempercayai kewujudan Allah sebagai Tuhan di samping roh nenek moyang yang turut mempunyai kuasa yang tertentu. Bagi mereka yang tidak mempercayai dan mengamalkan ajaran Islam, Tuhan adalah sumber kuasa yang tidak mempunyai

nama yang khusus, dengan Omboh sebagai kuasa yang tertinggi di samping syaitan dan semangat-semangat lain. Amalan tradisi yang berdasarkan kepercayaan kepada Omboh ini dikenali sebagai mag-omboh. Kepercayaan dan amalan mag-omboh di kalangan komuniti ini diwarisi sejak zaman nenek moyang lagi dan secara tidak langsung menjadi perlakuan budaya seharian mereka yang terus menjadi identiti Badjao.

Keberadaan Omboh dalam kehidupan mereka kerana pewarisan barangan peninggalan nenek moyang yang dipanggil langkapan. Komuniti Sama Dilaut di Sitangkai dan Semporna menganggap bahawa dengan hadirnya langkapan di kalangan keluarga menunjukkan bahawa mereka mewarisi pusaka nenek moyang dan kewujudan Omboh dalam keluarga mereka. Langkapan boleh berupa pakaian nenek moyang dan barangan lain seperti kitab muqaddam serta al-Quran yang disimpan bersama dengan gambar nenek moyang tersebut yang diletak dalam ruang khas dipanggil duwaan. Selagi mereka menyimpan peralatan tersebut maka segala bentuk amalan yang diamalkan oleh nenek moyang atau Omboh tersebut mesti terus diamalkan seperti magpiai-bahau (umboh pai bha-o) iaitu merayakan padi baru, pagkanduli menyajian sajian (muzik dan tarian) kepada semangat laut, mag-paigal iaitu menyajikan dan menari atau mag-igal bersama roh nenek moyang dan sebagainya.

Ritual magpiai-bahau atau lebih gemar dipanggil sebagai mag-omboh adalah merayakan padi baru dengan memberikan sajiannya kepada roh nenek moyang atau Omboh¹⁸ yang harus dilakukan pada setiap tahun. Magpiai-bahau (gambar 1-kiri) merupakan ritual yang paling kompleks bagi komuniti ini yang diwarisi sejak lama dahulu yang diperturunkan melalui keturunan yang dipanggil sebagai jin yang merupakan pewaris rasmi langkapan. Ritual tahunan yang wajib bagi mereka rayakan dipanggil sebagai Magpiai-bahau yang dipanggil oleh H. Arlo Nimmo sebagai Magpiai-baha-o di Tawi-Tawi, Filipina. Jika komuniti Bajau Laut ini gagal mengadakannya seluruh kampung akan mendapat musibah dalam bentuk pelbagai penyakit yang dipanggil sebagai busong atau tulah dan rawatan ke atasnya dipanggil sebagai mag-omboh. Ia dilakukan pada setiap bulan penuh atau Bulan Nilui. Walau bagaimanapun, jika ahli keluarga terlupa untuk melakukan ritual ini mereka akan diingatkan oleh roh nenek moyang untuk melakukannya yang dilengkapi dengan sajian yang menjadi kesukaan mereka khususnya padi baru (paii-bahau).¹⁹

Gambar 1: Ritual Mag-paiibahau (kiri) dan Pagkanduli, Sitangkai, Filipina



Sumber: Sumbangan Tokoro (kiri) & kajian lapangan (kanan).

Pag-kanduli (gambar 1-kanan) pula merupakan ritual tahunan berupa menghantar sembah atau sajian kepada semangat laut (hantu laut)²⁰ atau dipanggil sebagai Tuan Laut yang juga dipanggil dengan nama Muhammad Susulan dan beliau akan membalasnya dalam bentuk hasil tangkapan ikan yang lumayan serta tidak akan mengganggu nelayan Bajau Laut yang bekerja atau yang belayar di lautan. Sajian yang dipersembahkan adalah muzik dari kulintangan dan tarian (igal) oleh jin perempuan (Jin Denda) dan jin lelaki (Jin Lella) dengan pelbagai repertoire muzik atau titik dan igal.²¹ Jin Denda akan menarikan Igal Limbayan manakala Jin Lella akan menarikan Igal Jin di bawah pokok Dangan yang melambangkan lelaki iaitu Tuan Laut yang merupakan suami kepada Dayang Mangilai²² yang juga berada di pokok Dangan yang lebih kecil di pantai yang berhampiran yang menghadap Lautan Sulu. Mereka juga turut mempersembahkan muzik dan igal di hadapan Dayang Mangilai. Pagkanduli diakhiri dengan permainan tradisi iaitu magbesod kallat (tarik tali), mag-sipa (sepak takraw), mag-

laksu (lompat) dan mag-dundang (main buaian). Kesemuanya dikatakan permainan kegemaran Tuan Laut, Dayang Mangilai dan anak-anaknya²³ yang kini menjadi permainan tradisi bagi komuniti Bajau Laut.

Mag-paigal merupakan ritual yang diadakan setiap waktu bulan penuh atau bulan purnama di mana para Jin Lella dan Jin Denda berkumpul untuk sama-sama menari atau mag-igal yang diiringi dengan peralatan muzik tagunggu'. Mag-paigal yang diadakan pada setiap tiga bulan dikatakan menyajikan tarian kepada roh nenek moyang. Mereka akan menari hingga kelupaan atau kerasukan yang menandakan roh atau semangat nenek moyang telah memasuki badan mereka. Keadaan ini menandakan bahawa roh nenek moyang turut berada bersama-sama mereka di kampung tersebut. Keberadaan mereka dalam badan para jin tersebut juga menunjukkan bahawa mereka turut sama menari atau mag-paigal yang pernah mereka lakukan sewaktu hidup. Dengan berjayanya mereka memasuki badan para jin tersebut, ia juga menandakan bahawa mereka berpuas hati dengan sajian muzik tagunggu' dan igal oleh pewaris-pewaris mereka. Ini menandakan bahawa keberadaan mereka di alam spiritual masih lagi diingati dan diiraikan pada masa-masa yang telah ditetapkan dan ini memperlihatkan bahawa para jin tersebut sentiasa menjaga warisan yang mereka pusakai. Oleh yang demikian muzik tagunggu' serta tarian khususnya Igal Limbayan dan Igal Jin akan sentiasa hidup di kalangan generasi Bajau Laut.

Pengekalan dan Penerusan Amalan Tradisi Bajau Laut di Semporna, Sabah

Pada masa awal pembukaan Kampung Bangau-Bangau pada tahun 1955 kebanyakan isi rumah dan keluarga mempunyai kemudahan bot untuk pengangkutan dan juga untuk menangkap ikan. Walau bagaimanapun, pada masa kini sebahagian besar daripada masyarakatnya tidak lagi memiliki kemudahan bot tersebut kerana kehidupan sudah berubah dan pekerjaan yang dilakukan kebanyakannya telah mula beralih ke daratan. Pekerjaan menangkap ikan hanya dilakukan oleh beberapa buah keluarga sahaja. Walaupun kehidupan kebanyakan keluarga tidak lagi bergantung sepenuhnya pada sumber laut, namun corak kehidupan tradisi berasaskan Laut masih diteruskan khususnya yang melibatkan kepercayaan dan amalan. Penduduk mengorganisasikan perhubungan sosial melalui kegiatan secara bersama khususnya yang melibatkan ritual atau upacara besar yang diadakan pada masa yang tertentu sejak zaman nenek moyang lagi. Ia seolah-olah sebagai satu kalendar yang telah ditetapkan seperti yang dibincangkan yang melibatkan pewaris-pewaris yang khusus iaitu para Jin Lella dan Denda. Para jin yang bertindak sebagai pewaris yang sah amalan nenek moyang tersebut turut melakukan dan meraikan bersama-sama keluarga masing-masing. Dengan itu, kepercayaan dan amalan tradisi nenek moyang tersebut akan dapat diingati oleh keluarga dan keturunan dan sekali gus mereka akan turut sama memeliharanya sehingga ke generasi yang seterusnya.

Keadaan ini menunjukkan bahawa apa sahaja kepercayaan dan amalan yang dilakukan oleh nenek moyang sejak dari Sitangkai masih lagi utuh dipelihara dan diamalkan di Semporna. Keadaan ini menyebabkan bahawa antara Bajau Laut di Semporna dan Sama Dilaut di Sitangkai masih lagi meneruskan perhubungan dan tali persaudaraan walaupun antara mereka telah terpisah sejak sekian lama. Ini dapat dilihat di mana ketua Jin di Bangau-Bangau akan sentiasa mengunjungi Sitangkai kerana ia merupakan tempat di mana nenek moyang mereka lahir dan

disemadikan. Walaupun roh mereka dikatakan boleh dibawa ke Bangau-Bangau khususnya dalam upacara-upacara yang dijalankan, namun, pada asasnya tempat roh adalah masih di tempat jasad mereka dikebumikan. Begitu juga dengan Tuan Laut yang perlu disembah adalah di sebuah pulau tidak jauh dari Sitangkai iaitu Sikulan. Oleh yang demikian, didapati bahawa sehingga tahun 2005, ketua jin di Bangau-Bangau, Gerani Jikilani harus pulang ke Sitangkai untuk menyempurnakan magpiai-bahau di sana. Oleh kerana pengalamannya yang luas dalam mengendalikan ritual sama ada di Bangau-Bangau dan di Sitangkai dan beliau juga dianggap sebagai ketua jin di sana kerana beliau adalah keturunan ketua jin. Pada setiap tahun beliau harus pulang ke Sitangkai untuk memulakan ritual magpiai-bahau dan pulang melakukan magpiai-bahau di Semporna setelah melakukan magpaigal bersama-sama jin di Sitangkai. Namun, sejak kebelakangan kesihatannya tidak mengizinkan beliau untuk pulang ke Sitangkai untuk melakukan ritual tahunan ini dan tugas ini telah mula dilakukan oleh Wali Jin Jaapar yang merupakan jin yang sentiasa membantu beliau di Sitangkai. Manakala berita yang terbaru pula selepas ritual Pagkanduli di Sikulan beliau juga turut menyatakan hasrat untuk berpindah ke Semporna untuk meneruskan kehidupan.²⁴

Magpiai-bahau@mag-omboh ini dirayakan selama sebulan di sepanjang bulan Rejab tersebut. Setiap keluarga yang mengenal pasti mereka adalah Jin sama ada Jin Denda atau Jin Lella akan memastikan mereka mengadakan magpiai-bahau di kalangan keluarga mereka. Oleh yang demikian di Kampung Bangau-Bangau ini mereka secara bergilir merayakan magpiai-bahau ini. Komuniti Bajau Laut di Semporna tidak akan memulakan magpiai-bahau selagi ketua Jin Gerani tidak pulang ke Semporna atau magpiai-bahau belum dilakukan di Sitangkai. Jin-jin lain di Semporna akan melakukan magpiai-bahau dengan jayanya setelah Jin Gerani membenarkan mereka untuk melakukannya di kalangan ahli keluarga mereka sendiri yang dipanggil sebagai magpiai-bahau pagtutul.

Komuniti Bajau Laut dari semasa ke semasa cuba memelihara amalan dalam merayakan magpiai-bahau ini. Ia dimulai dengan mendapatkan padi baru yang secara tradisinya didapatkan dari pulau yang berdekatan iaitu Pulau Bebang pada waktu bulan terang yang dipanggil sebagai Bulan Nilui. Mereka mempercayai bahawa nenek moyang menggunakan padi yang pertama dituai untuk merayakan magpiai-bahau iaitu menuai padi yang pertama. Setelah padi diperoleh beberapa orang lelaki yang menaiki bot pergi ke hutan yang berdekatan untuk mendapatkan kulit kayu yang dipanggil sebagai kayu belunui untuk dijadikan tempat menyimpan padi tersebut. Kulit kayu belunui dibuat seperti bakul dan dibacakan doa (duaa) dan diikuti dengan susunan langkapan dan peralatan ritual yang lain. Padi baru yang diperoleh harus ditumbuk (magtaparahu) dengan menggunakan lesung. Kaedah tradisional ini adalah sama seperti yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Ini diikuti dengan proses yang dipanggil magtapapiai iaitu masak beras baru. Beras baru dimasak untuk dijadikan nasi (buwas) kuning, manakala beras yang ditumbuk dimasak untuk dijadikan kuih sahalibulan. Setelah semuanya siap dimasak peralatan ritual (langkapan), sajian makanan iaitu buwas kuning dan kuih sahalibulan dihidangkan yang dipanggil pagombohan sebagai simbolik sajian hidangan untuk Omboh (gambar 2). Setelah Imam dan pembantunya serta ketua jin, jin-jin lella dan denda dan ahli komuniti di Kampung Bangau-Bangau sudah berkumpul maka pagduwaa atau kenduri dan doa dijalankan.

Gambar 2: Pagombohan –sajian hidangan buwas kuning dan kuih sahalibulan, doa dan kenduri kemuncak Bajau Laut, Kampung Bangau-Bangau, Semporna



Sumber: Kajian Lapangan, 2005.

Pagkanduli yang merupakan acara tahunan mempersembahkan sajian muzik dan tarian kepada Tuan Laut dan isterinya Dayang Mangilai di pohon Dangkan yang berada di Sikulan itu. Namun, hakikatnya adalah mustahil bagi kesemua ahli komuniti Bajau Laut di Semporna untuk melakukannya di Sikulan, Tawi-Tawi. Ini disebabkan oleh beberapa faktor khususnya faktor ekonomi. Perjalanan mereka dari Bangau-Bangau ke Sikulan akan melibatkan kewangan yang besar untuk melayari bot mereka ke sana. Keselamatan juga menjadi faktor yang menghalang mereka kerana untuk menyeberangi hingga ke Tawi-Tawi tersebut memerlukan dokumen perjalanan yang sah yang melibatkan pihak imigresen. Oleh kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai dokumen tersebut ini tidak menjamin keselamatan mereka di tengah lautan yang sentiasa menghadapi ancaman daripada pihak Abu Sayyaf yang sentiasa berlegar di lautan antara Sabah dan juga selatan Filipina. Oleh kerana perjalanan mereka ke Sitangkai mengambil masa yang lama 10-12 jam ditambah dengan keselamatan yang tidak terjamin maka ia menyekat mereka dari melakukan perjalanan ke sana. Apa yang dilakukan dapat dilakukan adalah dengan beberapa orang yang mampu ke sana sebagai wakil. Memandangkan bahawa di kalangan komuniti Sama Dilaut yang berada di Sitangkai adalah kalangan saudara dan teman-teman mereka yang berkongsi tradisi yang sama maka sudah memadai jika mereka melakukannya dan keberkatan yang diberi oleh Tuan Laut dan Dayang Mangilai atas hasil tangkapan laut dan juga tidak diganggu ketika melakukan kerja-kerja di laut akan turut sama mereka rasai.

Manakala mag-paigal terus diamalkan oleh para Jin Denda dan Jin Lella di Semporna. Pada waktu malam bulan penuh, para jin ini dan orang ramai akan berkumpul di depan pelantar rumah ketua Jin untuk mag-igal. Igal Limbayan dan Igal Jin mula ditarikan apabila muzik tagunggu' dimainkan. Mereka akan mag-paigal sehingga kelupaan yang menandakan bahawa roh sudah masuk ke dalam diri para jin tersebut. Ini menandakan roh-roh berada di sekeliling mereka dan

berpuas hati dengan upacara yang diadakan untuk mereka. Mag-paigal ini masih boleh diteruskan oleh mereka di Semporna khususnya di Kampung Bangau-Bangau kerana langkapan yang mereka bawa bersama menandakan roh-roh nenek moyang atau omboh itu juga turut sama berada dengan mereka. Oleh yang demikian selagi omboh berada di sekeliling mereka maka sajian bulanan dalam bentuk mag-paigal itu harus terus dilaksanakan. Kegagalan untuk melakukannya akan membuatkan omboh menjadi tidak senang dan akan sentiasa mengganggu para jin dan jika sering diganggu mereka akan berada dalam keadaan tidak tenteram. Lama-kelamaan mereka boleh jatuh sakit dan keadaan ini dikatakan mereka mendapat tulah atau dipanggil busong dan seharusnya diubati dengan menggunakan ritual yang tertentu apabila sudah diketahui puncanya.²⁵ Jelas bahawa diaspora Bajau Laut ini mempunyai alasan-alasannya yang tersendiri untuk terus mengekalkan amalan-amalan tradisi yang sudah diamalkan oleh nenek moyang sejak dari Sitangkai lagi. Kepercayaan yang menjadi pegangan dan mesti terus diamalkan (efficacy) secara berterusan menjadi ritual yang tetap bagi mereka. Pengekalan dan penerusan amalan tradisi Bajau Laut ini kebanyakannya dilakukan oleh generasi tua khususnya golongan jin.

Globalisasi yang membuatkan masyarakat sentiasa terdedah kepada perkembangan yang berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan. Pengaruh budaya luar kuat mempengaruhi generasi muda dan akan cepat bertindak mengaplikasikan apa yang diperhatikan tersebut. Dalam konteks ritual yang mereka turut perhatikan dan raikan bersama generasi tua dan tidak mengamalkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, rasa jati diri sebagai pewaris warisan Bajau itu masih lagi menebal dan rasa ingin melestarikan amalan dan budaya Bajau Laut ini turut dilakukan. Pelestarian yang mereka lakukan hanya dalam bentuk mempersembahkan semula muzik dan tari igal seperti yang dilakukan oleh para jin namun ia dilakukan dalam bentuk persembahan untuk penonton. Hakikatnya, generasi muda yang mempersembahkan tarian tradisi Bajau Laut ini menampakkan munculnya suatu identiti baru kerana perubahan-perubahan yang berlaku tersebut. Ia adalah merupakan perkara yang biasa berlaku kerana diaspora turut dirujuk sebagai perhubungan yang wujud antara kumpulan yang berlainan negara negara dengan hal yang dikongsi bersama berpunca daripada asal usul yang sama namun akan ada perubahan iaitu terbinanya identiti baru dibina di tempat yang baru.²⁶ Persembahan tarian Igal ini dilakukan dalam majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan, perayaan-perayaan tertentu seperti Regatta Lepa dan sebagainya.

Gambar 3: Igal Limbayan yang ditarikan oleh generasi muda Bajau Laut di Semporna



Sumber: Kajian Lapangan, 1999

Terdapatnya kepelbagaian dalam jenis muzik dan igal yang ditarikan. Muzik atau lagu yang dipanggil sebagai titik dicipta dan ada yang dipinjam dari komuniti Bajau yang lain seperti titik to'ongan,²⁷ titik tabawan,²⁸ titik limbayan,²⁹ titik tagunggu' da'ilau,³⁰ titik lelang,³¹ titik tarirai,³² titik Ya'anang mansuhurah,³³ titik sappit³⁴ dan titik kuntau.³⁵ Sebahagian daripada repertoire tagunggu' ini turut digunakan oleh anak-anak warisan Bajau Laut untuk mengiringi tarian yang mereka angkat daripada igal yang ditarikan dalam ritual iaitu igal Limbayan, Igal Jin, Igal Lelang dan sebagainya. Malah, ciptaan igal baru turut juga dilakukan seperti igal tarirai yang mengambil daripada fenomena alam. Jelas bahawa globalisasi yang berlaku membuatkan produksi elemen budaya terjadi namun ia diangkat daripada yang tradisi. Penghasilan fenomena budaya hibrid ini dan pemahaman konsep etnik yang baru kebiasaannya terjadi di kalangan diaspora khususnya di kalangan golongan anak muda dengan sosialisasi yang asas telah mengambil tempat yang utama

dengan fenomena silang budaya yang berlaku kini. Amalan budaya dan identiti tersebut yang berkembang di kalangan anak muda selalunya dilakukan oleh diri mereka sendiri secara sedar, sinkretik dan juga melebihi daripada satu warisan tradisi.³⁶

Kesimpulan

Diaspora adalah tidak statik. Hari demi hari jumlah mereka bertambah kerana banyak sebab selain daripada alasan demografi, ia juga adalah kerana setiap individu yang terlibat ingin merasakan diri mereka sama seperti masyarakat di tempat asal dan perpindahan hanya sebagai alasan untuk perubahan khususnya dalam aspek ekonomi. Bajau Laut yang mendiami Kampung Bangau-Bangau, Semporna jelas sebagai diaspora Sama Dilaut yang datang dari Pulau Sitangkai, Tawi-Tawi, Filipina mempunyai alasan yang sama bagi perpindahan mereka iaitu untuk melakukan penambahbaikan kualiti kehidupan. Dengan kepercayaan dan amalan tradisi yang diwarisi dari amalan nenek moyang yang dibawa dari sana khususnya langkapan, membuatkan ikatan dengan roh nenek moyang yang dikenali sebagai Omboh itu diteruskan. Dengan adanya langkapan itu juga komuniti Bajau Laut ini mempercayai bahawa amalan persembahan untuk Omboh mesti terus dilakukan bagi menyeimbangkan kehidupan mereka bersama dengan roh nenek moyang atau para semangat yang mendiami alam spiritual di sekeliling mereka.

Keadaan ini menjadikan amalan-amalan tradisi terus diamalkan dan pengekalannya serta pemeliharaan warisan tradisi ini dapat diteruskan. Pengekalan amalan tradisi ini secara tidak langsung menjadi lambang identiti komuniti ini bahawa Jin iaitu Jin Denda dan Jin Lella khusus ketua Jin menjadi lambang atau ikon kepada identiti komuniti ini. Keberterusan amalan yang dilakukan oleh pihak Jin akan membolehkan identiti Bajau Laut ini dapat terus bertahan dari semasa ke semasa. Perubahan demi perubahan yang berlaku merupakan cabaran kepada pengekalannya amalan tradisi ini dan menjadi ancaman kepada pengekalannya identiti komuniti Bajau yang berasaskan kepada amalan tradisi. Ternyata bahawa perubahan sosial yang berlaku di kalangan masyarakat di dunia turut mempengaruhi komuniti Bajau Laut. Adaptasi terhadap elemen-elemen baru yang meresapi komuniti Bajau Laut dengan bentuk-bentuk amalan budaya baru telah diaplikasikan kepada budaya komuniti ini. Komuniti Bajau Laut telah turut membentuk bentuk-bentuk seni persembahan baru yang boleh disesuaikan sebagai persembahan umum. Tarian atau igal yang asalnya ditarikan untuk Jin dan Dewata telah diubahsuai dengan elemen persembahan untuk pentas yang mementingkan unsur-unsur spektakular untuk renungan penonton umum dengan memasukkan gerak-gerak tari igal yang baru yang lebih dinamik.

Nota hujung

¹ Makalah ini telah dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia, Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Indonesia, Jun 2009.

² Robin Cohen, *Theories of Migration* (Cheltenham: Edward Elgar Publishing limited, 1996), xi.

- ³ Robin Cohen, *The Sociology of Migration* (Cheltenham: An Elgar Publishing Company, 1996), xi.
- ⁴ <http://www.merriam-webster.com/dictionary/diaspora> (dilayari pada 14 Mac 2008).
- ⁵ <http://www.thefreedictionary.com/diaspora> (dilayari pada 14 Mac 2008).
- ⁶ <http://www2.hawaii.edu/~fredr/diacon.htm#identity> (dilayari pada 15 Mac 2008).
- ⁷ Imbon Choi, "Korean Diaspora in the Making: Its Current Status and Impact on Korean Economy," Institute for International Economics, at http://www.iie.com/publications/chapters_preview/365/2iie3586.pdf (dilayari pada 16 Mac 2008)
- ⁸ Imbon Choi, *Ibid.*
- ⁹ Pulau ini turut dipanggil sebagai Mapun Tawi-Tawi.
- ¹⁰ John Clammer, *Diaspora and Identity-The Sociology of Culture in Southeast Asia* (Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 2002), 141.
- ¹¹ Dipetik daripada Noel Reyes, http://litera1no4.tripod.com/badjao_frame.html (dilayari pada 17 Mac 2008).
- ¹² *Ibid.*
- ¹³ Mereka dibahagikan kepada lebih kurang 20 sub-kumpulan, dengan pelbagai nama seperti Balangingi, Pangutaran, Siasi, dan Sitangkai dengan jumlahnya dianggarkan seramai 30,000 orang.
- ¹⁴ Clifford Sather, *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-eastern Sabah* (New York: Oxford University Press, 1997).
- ¹⁵ Temubual dengan Hj Musa Malabong, di Sitangkai, Tawi-Tawi, Filipina, April 2008.
- ¹⁶ Clifford Sather, *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-eastern Sabah* (New York: Oxford University Press, 1997).
- ¹⁷ Omboh kadang-kadang disebut dengan pelbagai nama seperti Umboh, Ombo', Ombok, dan Mbo'.
- ¹⁸ Lihat Hanafi Hussin, "Magpaii-bahau: Reunion Between Living and Dead among Bajau Community of Semporna, Sabah, Malaysia," dalam Hanafi Hussin (ed.), *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea* (University of Malaya: Institute of Ocean and Earth Sciences), 19-34.
- ¹⁹ *Ibid.*, 23.
- ²⁰ Bagi ahli komuniti yang mempunyai nilai-nilai keislaman menganggap semangat atau bangsa ini sebagai hantu laut kerana ia merupakan semangat yang menjaga lautan.
- ²¹ Hanafi Hussin & MCM Santamaria, "Dancing with the Ghosts of the Sea: Experiencing the Pagkanduli Ritual of the Sama Dilaut (Bajau Laut) in Sikulan, Tawi-Tawi, Southern Philippines," dalam *JATI, Journal of Southeast Asian Studies*, Bil.13 (2008), 159-172.
- ²² *Ibid.*, 160.
- ²³ Lihat Hanafi Hussin & MCM Santamaria, "Between Two Seas: Integrative Elements in the Pagkanduli Ritual of Sama Dilaut (Bajau Laut) of Sitangkai," dalam Hanafi Hussin (ed.), *Southeast Asian Religion*, 35-60.
- ²⁴ Temubual dengan Wali Jin Jaapar, di Sitangkai, Selatan Filipina pada 6 Februari 2008.
- ²⁵ Hanafi Hussin, Jacqueline Pugh-Kitingan & Judeth John Baptist, "The Role of Music and Dance in the Rituals of Sabah's Coastal Communities: Examples from the Kadazan of

Penampang and the Bajau Kubang of Semporna,” dalam Maria Khristina Manuelli & Hanafi Hussin (eds.), *Boundaries and Beyond: Language, Culture and Identity of Southeast Asia* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), 63.

²⁶ Floya Anthias, “Evaluating ‘Diaspora’: Beyond Ethnicity,” dalam *Sociology* vol.32 no.3 (August 1998), 559 (24) dipetik dari http://maxweber.hunter.cuny.edu/pub/eres/SOC217_PIMENTEL/anthias.pdf (dilayari pada 12hb Mei 2009).

²⁷ Titik To’ongan - merupakan lagu tempatan.

²⁸ Titik Tabawan – lagu atau muzik yang digunakan semasa majlis perkahwinan yang diikuti dengan orang ramai menari atau magikal.

²⁹ Titik Limbayan – lagu atau muzik yang digunakan dalam ritual Bajau Laut untuk jin perempuan atau jin denda menarikan igal Limbayan dalam mana-mana upacara magomboh.

³⁰ Titik Tagunggu’ Da’Ilau – lagu yang dimainkan semasa majlis perkahwinan.

³¹ Titik Lellang – lagu atau muzik yang dimainkan untuk mengiringi jin lelaki atau jin lela menarikan igal lelang salam mana-mana upacara magomboh.

³² Titik Tarirai – lagu untuk mengiringi tarian Tarirai yang ditarikan dengan menggunakan kayu yang dipanggil bola’-bola’ yang diwarisi dari nenek moyang Bajau Laut dari Sitangkai lagi.

³³ Titik Ya’anang Mansuhurah – lagu yang menghubungkan wanita dalam dari perkataan ya’anang.

³⁴ Titik Sappit – sappit bermaksud perahu kecil orang-orang Bajau. Lagu ini mengisahkan tentang kegiatan yang dilakukan di atas sappit tersebut.

³⁵ Titik Kuntau- kuntau merupakan seni mempertahankan diri dan lagu ini biasanya dimainkan apabila adanya persembahan mempertahankan diri tersebut.

³⁶ Steven Vertovec & Robin Cohen, *Migration, Diasporas and Transnationalism* (Cheltenham: Edward Elgar Publishing Inc., 1999), xx.